

## Kiasan dalam novel "Cinta Sang Ratu" dari sudut pragmatic

### ABSTRAK

Ungkapan kiasan adalah ungkapan yang mengiaskan sesuatu perkara dengan perkara yang lain dan mempunyai makna tersendiri. Dalam karya kreatif, kiasan digunakan untuk menyampaikan mesej. Justeru objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kiasan yang terdapat dalam novel dan menganalisis makna kiasan menggunakan Teori Relevans. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 3 jenis kiasan yang digunakan dalam novel Cinta Sang Ratu iaitu kiasan jenis simile, metafora dan personifikasi. Setiap jenis kiasan ini mempunyai definisi dan cirinya yang tersendiri serta mempunyai makna yang berbeza daripada makna literal ungkapan kiasan itu. Penggunaan ungkapan kiasan dalam novel berfungsi untuk menyampaikan makna dengan lebih berkesan kepada pembaca. Oleh itu kiasan ini perlu dihuraikan maknanya berdasarkan konteks.

**Kata kunci:** Kiasan; Teori Relevans; Pragmatik